



Headline: Pesara rugi RM352,050 diperdaya Macau Language: Malay  
Scam menyamar pegawai bank

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)

Date: 25 August 2022

Section: Tempatan

Page: 1

# Pesara rugi RM352,050 diperdaya Macau Scam menyamar pegawai bank

Oleh Vivi Olviana Najurus

**PAPAR:** Seorang wanita warga emas mengalami kerugian sebanyak RM352,050 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai 'pegawai bank'.

Ketua Polis Daerah Papar, Deputy Superintendan Kamaruddin Ambo Sakka, berkata hasil siasatan mendapati mangsa yang juga seorang pesara kerajaan berumur 62 tahun itu pada mulanya menerima mesej pesanan ringkas (SMS) kira-kira jam 9.07 pagi pada 17 Ogos lalu.

Katanya, kandungan mesej terbabit mengatakan mangsa ada membuat pembelian dalam talian.

"Mangsa yang mempercayai mesej terbabit kemudian menghubungi nombor telefon diberikan sebelum bercakap dengan suspek yang menyamar sebagai pegawai bank.

"Suspek kemudian meminta semua maklumat



**KAMARUDDIN**

akaun bank mangsa dan mangsa turut memberikan semua maklumat akaun bank miliknya bersama nombor kod pengesahan transaksi (TAC)," katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Beliau berkata tiga hari kemudian, mangsa menyedari wang dalam akaun bank berjumlah RM352,050 sudah dipindahkan ke dalam akaun pihak ketiga oleh Scammer tanpa

pengetahuannya.

Katanya, mangsa kemudian membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

"Siasatan sedang dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.

Sementara itu, beliau menasihati orang ramai supaya mengelak daripada menjawab panggilan telefon dan melayan sebarang bentuk SMS dari pihak tidak dikenali yang menyamar dari mana-mana jabatan kerajaan atau organisasi.

"Sekiranya menerima panggilan berkenaan, sila hubungi balai polis berdekatan untuk pengesahan sebelum membuat apa-apa transaksi pindahan wang.

"Orang awam juga dinasihatkan untuk sentiasa peka dengan modus operandi terkini Scammer bagi mengelak kejadian serupa berulang," katanya.